



Bahasa Jawa Ngoko Dalam Kerangka Program Minimalis

Jawa Ngoko Language In Minimalist Programme Framework

Fazal Mohamed Mohamed Sultan

fazal@ukm.edu.my

Fatin Amirah Azman

atnmra28@gmail.com

Universiti Kebangsaan Malaysia, Bangi, Selangor, Malaysia

DOI: <https://doi.org/10.37134/pendeta.vol11.2.1.2020>

Received: 21 Jun 2020; Accepted: 10 September 2020; Published: 11 September 2020

Cite this article (APA): Mohamed Sultan, F. M., & Azman, F. A. (2020). Bahasa jawa ngoko dalam kerangka program minimalis. *PENDETA: Journal of Malay Language, Education and Literature*, 11(2), 1-17. <https://doi.org/10.37134/pendeta.vol11.2.1.2020>

ABSTRAK

Kajian ini menganalisis frasa kerja yang wujud dalam binaan ayat bahasa Jawa Ngoko. Objektif kajian ini adalah untuk mengenal pasti jenis kata kerja yang terdapat dalam bahasa Jawa ngoko, mengkategorikan kata kerja serta menganalisis kata kerja dalam bahasa Jawa ngoko menggunakan teori kerangka Program Minimalis. Pemerolehan data kajian berdasarkan kajian lapangan yang dilakukan di Kampung Sungai Air Tawar, Selangor. Kajian ini menggunakan kaedah kualitatif dan data kajian diperoleh melalui kaedah bercerita dan temu bual. Analisis kajian menunjukkan struktur kata kerja bahasa Jawa ngoko mempunyai binaan Subjek (S), Kata Kerja (K), dan Objek (O) iaitu bahasa berkepal awal. Frasa kerja bahasa Jawa ngoko pula didapati terbahagi kepada tiga iaitu frasa kerja transitif, frasa kerja tak transitif dan frasa kerja dwitransitif. Kajian ini menemui satu bukti baru iaitu bahasa Jawa mempunyai kala. Penulisan ini menamakannya kala *default*. Bahasa Jawa mempunyai kala kini sebagai kala *default*nya. Keadaan ini dapat membuktikan dakwaan baru iaitu bahasa Jawa mempunyai kala.

Kata kunci: bahasa Jawa; ngoko; kala kini; kata kerja; Program Minimalis

ABSTRACT

This study analyses the verb phrases used in the construction of Java Ngoko sentences. The objectives of this study are to identify the types of verbs in the Javanese language, categorize the verbs and analyze the verbs in the Java language using the Minimalist Program framework. The data obtained were based on field studies conducted in Kampung Sungai Air Tawar, Selangor. This study uses qualitative methods, and research data are collected through storytelling and interview methods. The analysis shows that the Javanese language structure has the order of Subject (S), Verb (V), and Object (O), which is known as initial head language. The Javanese verb phrases are further subdivided into three types such as transitive, non-transitive and ditransitive verbs. This study found novel evidence that the Javanese language has tense known a default tense. This proves that the Javanese language has tenses in their sentences.

Keywords: Javanese language; ngoko; syntax; verbs; Minimalist Program

PENGENALAN





Bahasa merupakan satu kod yang digunakan oleh manusia untuk bertutur. Kod ini menjadi alat untuk bertukar pengetahuan, pendapat, meluahkan perasaan dan sebagainya. Kita juga dapat menyampaikan dan menerima mesej. Oleh itu, bahasa merupakan inti kehidupan dalam sesuatu masyarakat yang saling memahami bahasa tersebut.

Wiratno dan Santoda (2013) mentakrifkan bahasa sebagai alat komunikasi yang tersusun dalam bentuk kesatuan seperti kata, kelompok kata, klausa, dan ayat yang diungkapkan secara lisan atau bertulis. Masyarakat menggunakan bahasa sebagai alat untuk bersatupadu dan bekerjasama yang merupakan suatu sistem lambang pertuturan yang arbitrari (Fazal, Nor Hashimah, Harishon, Junaidi & Muhammad Faiz, 2019). Bahasa juga merupakan satu sistem komunikasi yang melibatkan perkataan dan gabungannya dalam sesebuah ayat. Dalam Kamus Dewan (2005) mendefinisikan bahasa sebagai alat perhubungan dalam lingkungan satu kelompok manusia yang mempunyai lambang bunyi suara. Oleh itu, bahasa boleh wujud dalam bentuk komunikasi yang terdiri daripada lisan ataupun tulisan yang menjadi alat untuk menyampaikan mesej.

Proses komunikasi akan berjalan lancar apabila kita menggunakan bahasa yang betul dan bersesuaian dengan situasi. Aspek yang perlu diambil kira dalam berbahasa termasuklah struktur bunyi bahasa, pembentukan perkataan, struktur ayat, dan makna sesebuah perkataan atau ayat yang digunakan. Struktur ayat yang termasuk dalam bidang sintaksis ini menjadi tulang belakang kepada bahasa yang baik. Bidang linguistik ini mengkaji binaan ayat iaitu cara kata bergabung menjadi frasa, dan cara frasa bergabung menjadi ayat (Abdullah Hassan, Seri Lanang Jaya Rohani, Zulkifli Osman & Razali Ayob, 2006). Oleh itu, penggunaan ayat yang betul dapat membantu dalam kelancaran proses komunikasi yang dilakukan (Mohd Helmi & Puteri Roslina, 2016).

Pengkaji memilih untuk memberi fokus terhadap frasa kerja dalam bahasa Jawa ngoko kerana frasa kerja kerap digunakan dalam penuturan seharian kita. Kajian ini menumpukan kepada aspek sintaksis iaitu pembentukan ayat yang terdapat dalam bahasa Jawa di Kampung Sungai Air Tawar, Selangor. Frasa kerja pula terdiri daripada pelbagai jenis dalam sesuatu struktur sintaksisnya. Frasa kerja terbahagi kepada tiga jenis iaitu frasa kerja transitif, frasa kerja tak transitif dan frasa kerja dwitransitif. Dalam menganalisis ayat pula, pengkaji menggunakan teori Kerangka Program Minimalis kerana teori ini merupakan teori baharu yang dapat menerangkan pembentukan ayat melalui rajah pohon dan sekali gus memberi gambaran jelas tentang pembentukan ayat tersebut. Oleh itu, objektif kajian ini adalah untuk mengenal pasti jenis kata kerja yang terdapat dalam bahasa Jawa ngoko, mengkategorikan kata kerja kepada kata kerja transitif, kata kerja tak transitif, dan kata kerja dwitransitif yang terdapat dalam bahasa Jawa ngoko, dan menganalisis kata kerja transitif, kata kerja tak transitif dan kata kerja dwitransitif dalam bahasa Jawa ngoko menggunakan teori kerangka Program Minimalis.

METODOLOGI KAJIAN

Kajian ke atas frasa kerja bahasa Jawa ngoko menggunakan metodologi kualitatif. Kawasan kajian yang dipilih ialah Kampung Sungai Air Tawar, Sabak Bernam, Selangor. Kawasan ini dipilih kerana majoriti penduduk di kampung ini berbangsa Melayu dan beragama Islam serta berketurunan Jawa. Penduduk yang berketurunan Jawa ini telah berhijrah dan menetap di kawasan Sabak Bernam pada sekitar tahun 1980-an lagi dan mula berkembang pada tahun 1930-an (Khazin Mohd. Tamrin, 1977). Kajian ini dijalankan ke atas lima orang responden yang terdiri daripada tiga orang lelaki dan dua orang wanita. Pemilihan responden ini mengikut klasifikasi pendekatan pemerolehan responden oleh Chambers dan Trudgill (1999) iaitu NORMs, sebuah akronim bagi *Non-mobile, Old, Rural*, dan *Males* namun telah diubah suai mengikut keperluan dan kesesuaian kajian.

Informan yang dipilih berumur dalam lingkungan 60 tahun hingga 80 tahun dan ialah penduduk asal kawasan kajian iaitu Kampung Sungai Air Tawar, Selangor. Responden-responden yang terlibat merupakan seseorang yang berketurunan Jawa dan ialah penutur natif bahasa tersebut. Oleh itu, data kajian ini dikira sahih dan benar. Selain itu, pengkaji juga dibantu oleh seorang informan yang merupakan penutur natif bahasa Jawa dan penduduk tetap di kampung tersebut. Bantuan daripada informan ini dapat membantu pengkaji dalam komunikasi sekiranya terdapat



kesamaran atau ketidakfahaman dalam temu bual yang dilakukan. Proses mencari responden juga menjadi lebih mudah kerana informan dapat mencadangkan calon-calon responden yang sesuai.


Kajian ini menggabungkan dua bentuk kajian iaitu kajian kepustakaan dan kajian lapangan. Hal ini kerana, menurut Creswell (2014), para penyelidik kualitatif bukan sahaja bergantung pada satu sumber data tetapi mengumpulkan pelbagai bentuk data, seperti temu bual, pemerhatian, dokumen, dan maklumat audio visual. Kaedah kepustakaan ini penting bagi pengkaji bagi menentukan sama ada kajian yang ingin dilakukan itu pernah dilakukan oleh pengkaji lain atau mempunyai hubungan dengan kajian lain. Tanpa penelitian terhadap kajian-kajian lepas, pengkaji tidak dapat mengenal pasti kelompangan yang ada dalam bidang kajian yang ingin dilakukan. Hasil rujukan yang berkaitan boleh digunakan untuk menghurai konsep dan menjelaskan sesuatu maklumat dalam kajian. Kamarul Azmi Jasmi (2012) juga menyatakan pengumpulan data melalui analisis dokumen ini dapat memberikan maklumat yang relevan kepada isu dan masalah yang dikaji.

Kajian lapangan yang dilakukan menggunakan kaedah pengumpulan data melalui temu bual dan rakaman. Setiap perbualan tersebut akan dirakam dan rakaman akan dimainkan semula untuk mengeluarkan ayat yang mempunyai frasa kerja transitif, tak transitif dan dwitransitif. Setiap rakaman tersebut juga akan ditranskripsikan bagi proses analisis data kajian secara sintaksis. Menurut Corella, Chemaline & Siti Saniah (2017), campur aduk antara bahasa ibunda dengan bahasa kedua yang telah mereka pelajari secara formal, boleh berlaku. Jadi kajian ini akan memadamkan unsur-unsur bahasa Melayu dalam data ini. Kajian ini menggunakan kerangka Program Minimalis yang telah diperkenalkan oleh Chomsky (1995). Analisis menggunakan kerangka Program Minimalis akan melihat kepada struktur kata kerja bahasa Jawa ngoko. Program minimalis merupakan suatu program yang menjelaskan cara leksikal terbentuk di dalam leksikon, cara leksikal dipilih, digabung dan pergerakan yang berprinsipkan ekonomi diaplikasikan untuk menghasilkan derivasi yang boleh diinterpretasikan oleh antara muka bentuk fonetik (BF) dan bentuk logikal (BL).

PROGRAM MINIMALIS


Program Minimalis (PM) merupakan satu versi yang terkini dalam teori Generatif. Kerangka Program Minimalis ini telah diperkenalkan oleh Noam Chomsky pada tahun 1995 yang telah menunjukkan satu perubahan besar dalam teori transformasi kerana teori ini dapat menghuraikan dengan lebih minimal dan berpada berikutan perubahan konseptual yang mendasari pendekatan berkenaan. Program ini mengandaikan bahawa kerangka Program Minimalis terdiri daripada empat aras. Keempat aras ini pula terbahagia kepada Sintaksis Nyata dan Sintaksis Tak Nyata. Sintaksis Nyata terdiri daripada Leksikon, Numerasi dan Cetusan manakala Sintaksis Tak Nyata pula merupakan posisi untuk representasi Bentuk Fonologi (BF) dan representasi Bentuk Logik (BL) (Chomsky & Collins, 2001).

Teori ini mengandaikan bahawa penghasilan sesuatu ayat yang purna bentuknya bermula dalam aras leksikon. Leksikon merupakan pusat simpanan pelbagai maklumat leksikal dalam bentuk fitur. Leksikal ini pula akan dihantar ke aras Numerasi iaitu tempat berlaku pelbagai proses Gabung yang dikenali sebagai Gabungan Dalaman dan Gabungan Luaran. Prinsip Projeksi Tambahan pula beroperasi di aras Numerasi untuk memastikan setiap ayat mempunyai subjek. Seterusnya pergabungan ini pula akan melibatkan penyemakan fitur di aras Cetusan sebelum ke BF dan BL untuk menentukan sama ada struktur yang bakal dihasilkan tersebut berjaya atau gagal. Pada aras Cetusan ini, Prinsip Penyemakan akan memastikan semua fitur yang tak berinterpretasi disemak dengan sempirna. Sekiranya ada fitur yang tidak disemak terlepas ke aras BF dan BL maka derivasi ayat ini akan gagal. Prinsip Prokastinat pula sentiasa beroperasi di semua aras untuk memastikan tiada pergerakan yang tak ekonomikal berlaku. Prinsip Ekonomikal beroperasi di semua aras untuk memastikan tiada pergerakan berlaku sewenang-wenangnya seperti dalam teori yang lama. Berikut merupakan rajah kerangka Program Minimalis.



Rajah 1. Kerangka Program Minimalis (Chomsky, 2001)

Pembinaan struktur ayat yang purna bentuknya bermula dengan operasi GABUNG. Operasi ini akan menggabungkan item leksikal dalam leksikon yang membentuk ranting bercabang dua. Ranting ini bercambah dalam bentuk dwicabang sahaja kepada objek sintaksis yang lebih besar untuk membentuk struktur hierarki yang lebih kompleks. Dalam proses GABUNG, item leksikal yang pertama akan memilih item leksikal yang lain berpandukan prinsip pemilihan-k dan menyemaknya terlebih dahulu sehingga tiada lagi fitur yang boleh disemak. Fitur Pemilihan Kategori (*categorical selection features*) atau pemilihan-K ialah fitur kategori untuk sesuatu item leksikal yang menentukan elemen kategori yang boleh bergabung dengan item leksikal itu. Program Minimalis membenarkan leksikal dipilih untuk memasuki sesuatu derivasi dan ciri-ciri yang mendasari leksikal berkenaan akan ditentukan bagi membolehkan satu operasi yang dinamakan gabung (*merge*) dapat diterapkan. Sekiranya fitur tidak disemak dengan betul, maka satu struktur yang tak gramatis akan terhasil dan turut menghasilkan ayat yang tidak tepat. Rajah 2 di bawah pula menggambarkan cara proses Gabung yang menghasilkan rajah pohon lengkap dalam kerangka Program Minimalis.



Rajah 2. Rajah pohon lengkap kerangka Program Minimalis



Pembinaan struktur sintaksis dalam rajah 2 terhasil daripada proses Gabung yang menggunakan Teori x-berpalang sebagai asasnya. Teori x-berpalang mempunyai beberapa syarat semasa proses penghasilannya. Syarat tersebut adalah kewujudan setiap frasa mestilah endosentrik, kehadiran tiga aras iaitu FX, X', dan X, serta kedudukan kepada (X) adalah satu aras di bawah x-satu palang (X') yang dinaungi terus oleh nodus frasa (FX).

BAHASA JAWA

Awang Sariyan (2005) menyatakan bahawa bahasa Jawa dibawa masuk hasil daripada penghijrahan etnik Jawa dari Indonesia. Bahasa Jawa sudah mengalami 'pencairan' dan dikenali sebagai Jawa Pinggiran kerana mereka tidak lagi mengamalkan budaya Jawa sepenuhnya dan hanya menggunakan bahasa Jawa yang sudah bercampur dengan bahasa setempat. Generasi Y dan Z pula sudah mula meminggirkan bahasa Jawa kerana nilai ekonomi sudah berkurangan. Namun, terdapat beberapa kajian yang telah dilakukan terhadap bahasa Jawa ini bagi mengembangkan lagi ilmu mengenai bahasa tersebut. Antara pengkaji tempatan yang telah melakukan kajian mengenai bahasa ini adalah Husein Najibuddin (2015), Nurul Aznina Mohd Salleh dan Sharifah Raihan Syed Jaafar (2017), serta Karim Harun dan Maslida Yusof (2015). Pelbagai bidang linguistik yang telah disentuh daripada kajian yang lepas seperti bidang fonologi, semantik dan sosiolinguistik. Namun begitu, tidak banyak kajian berdasarkan bidang sintaksis yang dilakukan oleh pengkaji tempatan terhadap bahasa Jawa ini.

Secara umumnya, tingkat bahasa Jawa hanya terbahagi kepada dua iaitu ngoko dan krama (Bayu Indrayanto & Kinasih Yuliasuti, 2015) namun terdapat juga variasi yang muncul daripada kedua-dua jenis tingkat bahasa ini. Menurut Noriah Mohamed (2001), bahasa Jawa yang telah mengalami perkembangan pesat berkembang kepada tiga tingkat bahasa yang membezakan cara bertutur antara pembicara dengan pendengar mengikut status sosial. Tingkat bahasa tersebut adalah Krama, Madya dan Ngoko. Tingkat Krama merupakan bahasa yang mempunyai tingkat bahasa paling tinggi yang merupakan bahasa paling sopan dalam penggunaan bahasa Jawa. Tingkat Madya pula adalah tingkat bahasa yang menggunakan bahasa sederhana sopan manakala tingkat Ngoko adalah tingkat bahasa yang mempunyai kesopanan bahasa paling rendah (Seopomo Poedjasoedarma, Th. Kundjana, Gloria Soepomo & Alip, Suharso, 1979). Penggunaan tatatingkat Jawa ngoko adalah yang



paling lazim digunakan. Struktur ayat yang digunakan oleh penutur bahasa ini dilihat menggunakan struktur ayat yang lebih kurang sama dengan struktur ayat bahasa Melayu standard. Ini adalah pertembungan bahasa daripada rumpun bahasa yang sama (Rohaidah, Ab. Razak & Indirawati, 2018). Oleh itu, kajian ini menggunakan bahasa Jawa ngoko sebagai data untuk dikaji. Hal ini kerana, kajian mengenai struktur ayat bahasa ini masih kurang dilakukan di negara kita. Kajian dilakukan di Kampung Sungai Air Tawar, Sabak Bernam, Selangor bagi melihat penggunaan struktur ayat bahasa Jawa ngoko di kawasan tersebut.

FRASA KERJA

Kamus Dewan (2005) menyatakan frasa kerja ialah bentuk kata yang membina unit sintaksis sesuatu klausa. Frasa kerja dalam bahasa Jawa ngoko boleh dibahagikan kepada tiga jenis iaitu frasa kerja transitif, frasa kerja tak transitif, dan frasa kerja dwitransitif. Kata kerja yang mempunyai objek sebagai pelengkap merupakan frasa kerja transitif manakala kata kerja yang tidak memerlukan objek sebagai pelengkap ialah kata kerja tak transitif. Kata kerja tak transitif pula terbahagi kepada dua iaitu kata kerja tak ergatif dan kata kerja tak akusatif. Kata kerja tak ergatif ialah kata kerja yang mempunyai subjek yang berperanan sebagai agen manakala kata kerja tak akusatif pula mempunyai subjek yang berperanan sebagai tema atau selain agen. Kata kerja dwitransif mempunyai tiga argumen yang terdiri daripada subjek, objek langsung dan objek tak langsung.

Menurut Nik Safiah Karim, Farid M. Onn, Hashim Hj. Musa & Abdul Hamid Mahmood (1996), frasa kerja transitif ialah frasa kerja yang mempunyai kata kerja transitif (KKtr) dan diikuti oleh objek yang terdiri daripada kata nama. Sekiranya objek tidak hadir, maka ayat tersebut menjadi tidak gramatis. FK ini juga boleh dibuktikan apabila ayat tersebut ditukarkan kepada ayat pasif. Selepas pertukaran, sekiranya ayat tersebut menjadi tidak gramatis, ayat tersebut mungkin mempunyai kesalahan.



1. Wong kuwi **njolo** iwak
Orang itu **st** jala **ps** ikan
"Orang itu menjala ikan"
2. *Wong kuwi **njolo**
Orang itu jala
"Orang itu menjala"



Ayat (1) menunjukkan satu ayat yang gramatis yang mengandungi FK transitif. KK **njolo** di atas merupakan KK transitif yang memerlukan objek yang mengikutinya sebagai pelengkap ayat iaitu KN **iwak**. Jika objeknya tiada, ayat tersebut menjadi tidak gramatis seperti di dalam ayat (2). KN **iwak** yang mengikuti FK di atas telah digugurkan menyebabkan ayat tersebut tergantung dan tidak gramatis. KK transitif bahasa Jawa juga boleh dipasifkan untuk melihat kebenaran KK tersebut sebagai KK transitif.

3. Iwak **dijolo karo** wong kuwi
"Ikan dijala oleh orang itu."
4. *Iwak **dijolo karo**
"Ikan dijala oleh"

Ayat (3) di atas menunjukkan KK transitif yang telah dipasifkan. Ayat dalam bahasa Jawa ngoko menjadi ayat pasif dengan kehadiran imbuhan awalan **di-** dan diikuti oleh kata preposisi **karo**. Namun begitu, kata preposisi **karo** boleh diabaikan selagi subjek ayat terletak bersebelahan dengannya. Ayat ini adalah gramatis selagi subjek dan objek masih hadir di dalam ayat. Jika objek ayat dibuang, maka ayat tersebut menjadi tidak gramatis seperti ayat (4) kerana FK transitif memerlukan objek sebagai pelengkap.

Frasa kerja tak transitif (KKtr) memiliki kata kerja yang tidak memerlukan objek untuk menjadi ayat. KKtr terbahagi kepada dua jenis iaitu KKtr tak akusatif (*unaccusative*) dan KKtr tak ergatif (*unergative*). Menurut Perlmutter, 1978 (dlm. Fazal Mohamed Mohamed Sultan & Khairul





Faiz Alimi, 2014), kedua-dua jenis kata kerja ini mempunyai struktur yang sama tetapi berbeza daripada kedudukan argumen tunggalnya. Kata kerja tak ergatif hanya menandakan argumen luaran sahaja manakala kata kerja tak akusatif hanya menandakan argumen dalaman sahaja.

Kata kerja tak ergatif merupakan predikat satu tempat yang bergabung dengan subjek sebagai argumen luaran yang mendapat peranan agen. Sebagai KKtr, maka KK ini tidak memerlukan objek untuk menjadi satu ayat. Namun begitu, KK ini boleh menerima maklumat tambahan yang dikenali sebagai adjung untuk melengkapkan ayat. Frasa yang mewakili adjung tersebut boleh terdiri daripada frasa preposisi, kata adjektif dan lain-lain. Misalnya:

5. Dee **туру** nang bilik
Dia tidur di bilik
“Dia tidur di dalam bilik”

KN *dee* merupakan subjek yang berperanan sebagai agen di dalam ayat (5) di atas. KK *туру* merupakan KKtr yang tidak memerlukan objek. Maka, frasa kerja ini menerima frasa preposisi *neng bilik* yang berfungsi sebagai adjung. Adjung ini boleh dibuang kerana tidak memberikan kesan kepada ayat tersebut kerana adjung hanya berperanan sebagai maklumat tambahan di dalam ayat sahaja.

Frasa kerja tak akusatif adalah frasa yang menandakan subjek dengan peranan selain daripada agen seperti pengalami, penderita, tema, dan sebagainya. Frasa kerja tak akusatif ini hanya menandakan argumen dalaman yang menandakan peranan selain daripada agen. Ayat (6) di bawah menunjukkan subjek *wedange* yang berperanan sebagai tema sekali gus menandakan ayat ini sebagai FK tak transitif tak akusatif.

6. Wedange wis **entek**
Airnya dah habis
“Airnya sudah habis”



Frasa kerja dwitransitif pula memerlukan tiga argumen yang terdiri daripada subjek dan dua objek iaitu objek langsung dan objek tidak langsung bagi melengkapkan susunan ayatnya. Hal ini bermakna frasa kerja ini memerlukan satu argumen luaran dan dua argumen dalaman. Tanpa kehadiran tiga argumen ini, binaan frasa tersebut menjadi tidak gramatis. Frasa nama (FN) dan Frasa Preposisi (FP) di dalam ayat ditandakan peranan teta oleh KK yang terlibat.

7. Embah **nganterne** surat maring pejabat
Datuk hantar surat ke pejabat
“Datuk menghantar surat ke pejabat”

Ayat (7) di atas menunjukkan FK dwitransitif yang ditandai dengan KK *nganterne*. Argumen dalaman di dalam ayat tersebut adalah KN *embah* yang berada di posisi subjek manakala argumen luarannya adalah KK *surat* sebagai objek langsung dan KK *pejabat* sebagai objek tak langsung.

Analisis deskriptif dalam bahagian ini telah menjelaskan bahawa frasa kerja dalam bahasa Jawa terdiri daripada tiga jenis iaitu kata kerja transitif, kata kerja tak transitif dan kata kerja dwitransitif. Yang agak menarik ialah kesemua kata kerja ini bebas daripada morfem yang membezakan jenis kata kerjanya. Jenis kata kerja itu bergantung kepada argumen yang diterima oleh kata kerja masing-masing serta peranan teta yang ditandakan kepada setiap argumen tersebut.

ANALISIS SINTAKSIS

Bahagian sebelum ini telah menunjukkan analisis deskriptif mengenai frasa kerja dalam bahasa Jawa ngoko yang mempunyai tiga jenis, iaitu kata kerja transitif, kata kerja tak transitif dan kata kerja dwitransitif. Setiap frasa kerja akan dikepalai oleh kata kerja sama ada frasa tersebut memerlukan objek bagi melengkapkan ayat ataupun tidak. Bahagian ini akan menjalankan analisis sintaksis



menggunakan Program Minimalis untuk memperkuat dakwaan kami bahawa bahasa Jawa hanya mempunyai 3 jenis kata kerja sahaja.


Frasa kerja transitif memerlukan dua argumen iaitu argumen luaran dan argumen dalaman yang terdiri daripada kata nama (KN). Analisis sintaksis ini menggunakan contoh ayat di bahagian 1 dan diubah sebagai ayat (8).

8. Wong kuwi **njolo** iwak
Orang itu jala ikan
“Orang itu menjala ikan”

KK *njolo* di dalam ayat (8) di atas merupakan KK transitif yang memerlukan dua argumen iaitu argumen luaran dan argumen dalaman untuk menandakan peranan tetanya. Oleh itu, KKtr ini memerlukan 2 argumen untuk melengkap ayatnya. KN *iwak* di dalam contoh tersebut merupakan argumen dalaman tersebut. KN Wong Kuwi pula merupakan argumen luarannya. Sebagai argumen luaran KGND *Wong kuwi* ditandakan dengan peranan agen dan akan menduduki posisi spesifik manakala KN *iwak* ditandakan peranan tema dan menduduki posisi komplemen oleh KK *njolo*. Hasilnya dapat dilihat dalam rajah 3.

Struktur dalam rajah 3 adalah seperti berikut. KK *njolo* adalah KKtr maka leksikal membawa satu fitur tak berinterpretasi bersamanya. Untuk memenuhi Prinsip Penyemakan, maka derivasi Gabung yang pertama ialah di antara KK *njolo* dengan KN *iwak* daripada leksikon di dalam aras Numerasi. KKtr *njolo* akan tak berinterpretasi (uN) bergabung dengan KKtr *njolo* untuk membentuk FK. Hasil gabungan ini membolehkan fitur dalam fitur berinterpretasi (N) dalam KN *iwak* dapat disemak dan dihapuskan.


Seterusnya, KK *njolo* akan digerakkan ke posisi cantuman iaitu hasil daripada letusan posisi k (k kecil) yang turut diduduki oleh [ukala:]. Pergerakan KK *njolo* meninggalkan kesan iaitu <*njolo*> di posisi FK. Mengikut Prinsip Pemilihan-k, nodus k juga mempunyai fitur tak berinterpretasi [uN] (Chomsky, 1995). Apabila fitur ini tidak boleh disemak, fitur ini diperkolatkan ke nodus k'. Hasil gabungan k dan FK telah menghasilkan k'. Nodus k' ini pula mempunyai fitur tak berinterpretasi [uN] yang tidak dapat disemak. Fitur ini akan memastikan FN *Wong kuwi* diletakkan di posisi spek Fk iaitu dikenali sebagai kedudukan asas. Ini membolehkan fitur tak berinterpretasi [uN] pada k' dapat disemak dan dihapuskan seperti dalam rajah 3.



Rajah 3. Pembentukan Struktur Kata kerja Transitif Bahasa Jawa

Hasil penggabungan ini dapat memperlihatkan struktur frasa kerja transitif bahasa Jawa Ngoko dengan jelas. Namun begitu, struktur tersebut masih mempunyai fitur tak berinterpretasi [ukala] yang masih belum disemak dan dihapuskan sebelum melepasi aras Cantuman. Fitur ini tidak mempunyai nilai dan tidak dapat disemak oleh apa-apa nodus yang ada. Oleh itu, analisis ini

mendakwa bahawa kala dianggap hadir dalam ayat tersebut bagi memastikan fitur tak berinterpretasi dapat disemak.



Rajah 4. Proses penandaan Kala dan penyemakan

Bahasa ini tidak mempunyai kala yang jelas. Oleh itu, kajian ini pertama kalinya mendakwa bahawa wujudnya Kala Default di dalam bahasa ini. Kala default adalah kala kini. Dakwaan ini akan diaplikasikan dalam derivasi dalam rajah 4. Maka berlaku proses keserasian bagi menyemak fitur tak berinterpretasi [ukala]. Mengikut dakwaan dalam kajian ini maka nodus Kala mempunyai fitur berinterpretasi [kini]. Kala [kini] yang memerintah-k [uKala:] akan menilainya dengan fitur [kini] untuk menghasilkan [uKala: kini]. Justeru, fitur itu dapat disemak menjadi [uKala: kini] dan dihapuskan. Prinsip Penyemakan Fitur telah dipenuhi. Mengikut Chomsky (2015), nodus kala juga mempunyai satu lagi fitur tak berinterpretasi iaitu fitur tak berinterpretasi [uN] yang ditanda oleh Prinsip Projeksi Tambahan (PPT). Ini menyebabkan FN Wong Kuwi perlu bergerak ke posisi Spek Fkala untuk menyemak fitur [uN] tersebut. Posisi ini juga dikenali sebagai kedudukan permukaan.


Struktur di atas merupakan struktur bagi frasa kerja transitif kerana tiada lagi fitur tak berinterpretasi yang diprojsikan untuk membina nodus yang baru selepas Cetusan. Projeksi struktur ini ke BF dan BL akan menghasilkan ayat yang gramatis tanpa apa-apa masalah. Struktur ini menepati struktur asas dalam rajah 2 di atas.

Kata kerja tak transitif pula hanya memerlukan satu argumen sahaja sama ada argumen luaran atau argumen dalaman. KK yang memerlukan argumen luaran dikenali sebagai KK tak ergatif manakala KK yang memerlukan argumen dalaman dikenali sebagai KK tak akusatif. Bahasa Jawa juga turut menggambarkan bahawa bahasa ini juga mempunyai kedua-dua jenis ini. Bahagian ini mempunyai dua analisis sintaksis iaitu analisis sintaksis KK tak ergatif dan KK tak akusatif.

KK tak ergatif hanya menerima satu argumen luaran sahaja dengan menandakan peranan agen kepada subjek ayatnya. Hal ini adalah berbeza dengan KK tak akusatif yang menerima argumen dalaman sahaja dengan menandakan peranan selain daripada agen seperti mengalami atau tema kepada subjek ayatnya. Oleh sebab KK tak ergatif hanya menandakan argumen luaran sahaja, maka tiada komplemen pada nodus akar. Analisis seterusnya menunjukkan struktur frasa kerja tak ergatif bahasa Jawa Ngoko yang telah diubah kepada ayat (9).


9. Dee **туру** nang bilik
Dia tidur di bilik
“Dia tidur di dalam bilik”.

Frasa *nang bilik* merupakan frasa preposisi (FP). Analisis ini mengandaikan bahawa fitur pemilihan-k pada *nang* [uN] telah disemak melalui keserasian yang berlaku dengan fitur berinterpretasi [N] pada *bilik* dalam FPnya. Frasa ini berada di posisi adjung kerana merupakan maklumat tambahan daripada KKtr tak ergatif yang tidak memerlukan objek. Adjung ini akan bergabung membentuk struktur cantuman FK dengan KK *туру*. Nodus k kecil pula akan bergabung dengan FK dan gabungan ini akan membentuk k' (k tanda). Dua posisi daripada letusan k kecil semasa proses cantuman telah dipenuhi oleh KK *туру* yang bergerak daripada posisi asal FK dan bergabung dengan fitur tak berinterpretasi [ukala:]. Pergerakan tersebut telah meninggalkan bekas <туру> di FK. KGND *Dee* telah dipilih sebagai pasangan k'. Hal ini kerana KGND *Dee* mempunyai fitur berinterpretasi [N] yang berpadanan dengan fitur tak berinterpretasi [uN] yang hadir kerana Prinsip Pemilihan-k pada k'. Setelah *Dee* digabungkan dengan k', maka fitur tak berinterpretasi [uN] tersebut dapat disemak dan dihapuskan. Gabungan di antara *Dee* dan k' ini telah membentuk Fk.



Rajah 5. Pembentukan Kata Kerja Tak Ergatif Bahasa Jawa

Hasil gabungan ini masih mempunyai fitur tak berinterpretasi [ukala:] yang masih belum disemak untuk dihapuskan. Oleh itu, dalam struktur ayat bahasa Jawa Ngoko, kala *default* iaitu kala kini dianggap hadir untuk menentukan kala frasa tersebut selain untuk membolehkan fitur tak berinterpretasi dapat disemak.




Rajah 6. Proses penandaan Kala dan penyemakan

Rajah 6 menunjukkan berlakunya proses keserasian bagi menyemak fitur tak berinterpretasi [ukala:]. Nodus Kala dapat memerintah-k [ukala:] dan menilainya dengan fitur [kini] untuk menghasilkan [ukala: kini]. Penilaian tersebut membuatkan fitur tak berinterpretasi [ukala: kini] disemak dan dihapuskan [ukala:kini]. Gabungan kala dan Fk telah membentuk kala' (kala tanda) yang mempunyai fitur tak berinterpretasi [uN] yang telah diprojsikan daripada kala mengikut Prinsip Projeksi Tambahan. Oleh itu, KGND *dee* di posisi spek Fk bergerak ke posisi spesifik Fkala untuk menyemak fitur tak berinterpretasi tersebut. Gerakan yang berlaku ini telah meninggalkan bekas <Dee> di posisi Fk. Fitur tak berinterpretasi [uN] pada kala tanda telah berjaya disemak dan dihapuskan oleh KGND *dee*. Setelah semua fitur tak berinterpretasi dapat disemak dan dihapuskan maka struktur ini dapat dihantar ke BF dan BL untuk diujarkan oleh penutur natif bahasa Jawa.

Kata kerja tak akusatif pula merupakan KK yang menandakan argumen dalaman yang berperanan selain daripada agen seperti pengalami, penderita atau tema. Untuk membuktikan perbezaan daripada KK tak ergatif maka ayat (6) ditulis semula sebagai (10):


10. Wedange wis *entek*
Airnya dah habis
“Airnya sudah habis”

FN *wedange* mendapat peranan tema daripada KK *entek*. Ini adalah kerana FN tersebut merupakan argumen dalaman untuk KK *entek*. Hal ini membuktikan bahawa KK tak akusatif memerlukan argumen dalaman. Keadaan ini berbeza dengan KK tak ergatif yang memerlukan argumen luaran. Rajah 7 menunjukkan FN *wedange* digabungkan dengan KK *entek* untuk membina FK. Sebagai KK tak akusatif, KK *entek* mempunyai fitur pemilihan-k [uN] yang memerlukan elemen namaan bagi menduduki posisi komplemen. Oleh itu, KN *wedange* yang mempunyai fitur berinterpretasi [N] adalah bersesuaian dengan fitur pemilihan-k [uN] dalam KK *entek*. Justeru, operasi semak telah berjaya dilakukan.



Rajah 7. Pembentukan Kata Kerja Tak Akusatif Bahasa Jawa

Seterusnya, k kecil telah dipilih sebagai pasangan FK dan membentuk Fk. Oleh kerana KK *entek* merupakan KK tak akusatif yang memerlukan hanya satu argumen dalaman, maka gabungan tersebut tidak menghasilkan k' (k tanda) seperti dalam Rajah 6. Nodus k meletus kepada dua posisi dan dipenuhi oleh KK *entek* di posisi cantuman dan fitur tak berinterpretasi [ukala:] di posisi Kepala k. KK *entek* telah meninggalkan bekas <entek> di posisi spek FK setelah digerakkan ke posisi spek k.



Rajah 8. Proses penandaan Kala dan penyemakkan

Rajah 8, menunjukkan analisis ini mengandaikan bahawa Kata kerja bantu (KKB) *wis* mempunyai nodus yang tersendiri dalam bahasa ini. Analisis ini telah mendakwa bahawa Kala *default* ialah kala kini. Sebaliknya kehadiran mana-mana KKB dapat mengubah penandaan *default* pada Kala tersebut. Analisis menambah dakwaan bahawa KKB mempunyai fitur yang kuat untuk bergerak ke posisi nodus Kala. Hal ini menyebabkan nodus Kala membuka ruang dengan berlakunya derivasi yang menyebabkan terjadinya letusan di posisi nodus Kala. Kehadiran KKB *wis* menyebabkan Kala mendapat kala lepas. Kala [lepas] dapat memerintah-k dan menilai [ukala:] dengan kala lepas dan menyebabkan perubahan iaitu [Ukala:lepas]. Hal ini memberikan peluang untuk nodus Kala untuk menyemak dan menghapuskan fitur tak berinterpretasi ini [ukala:lepas]. Seterusnya, Prinsip Projeksi Tamabhan kana menyebabkan wujudnya fitur tak berinterpretasi [uN] pada nodus Kala. Fitur ini diperkolatkan ke posisi kala' untuk disemak oleh fitur berinterpretasi [N]. Oleh itu, KN *Wedange*



yang mempunyai kesepadanan terhadap fitur tak berinterpretasi [uN] bergerak dan digabungkan dengan kala' bagi membenarkan penyemakan fitur berlaku. Pergerakan KN *Wedange* dari posisi komplemen FK ke posisi spek Fk₂ telah meninggalkan bekas <*Wedange*> di posisi awalnya. Hal ini adalah satu pergerakan jauh yang perlu dilakukan supaya FN ini dapat menduduki posisi subjek permukaan.

Frasa kerja dwitransitif ialah frasa kerja yang memerlukan kehadiran tiga argumen selepas kata kerja yang terdiri daripada subjek dan dua objek. Tanpa kehadiran kehadiran tiga argumen, binaan frasa kerja tersebut menjadi tidak gramatis. Frasa kerja dwitransitif ini memerlukan dua argumen dalaman iaitu objek langsung dan objek tidak langsung untuk melengkapkan susunan ayatnya. Berikut merupakan analisis sintaksis terhadap data (7) yang telah dijelaskan pada bahagian analisis deskriptif frasa kerja dwitransitif dalam bahasa Jawa ngok yang telah diubah menjadi ayat (11):

11. Embah *nganterne* surat maring pejabat


Datuk hantar surat ke pejabat

"Datuk menghantar surat ke pejabat"

KK dwitransitif *nganterne* memerlukan tiga argumen iaitu satu argumen luaran dan dua argumen dalaman. Derivasinya boleh dirujuk dalam rajah 9. Frasa preposisi (FP) *nang pejabat* digabungkan dengan KK *nganterne* dan membentuk nodus K' (K tanda). Fitur tak berinterpretasi [uP] pada KK *nganterne* telah berjaya disemak oleh fitur yang sepadan dengannya iaitu fitur berinterpretasi [P] yang ada pada FP *maring pejabat*. Kemudian, fitur tak berinterpretasi [uN] pada KK *nganterne* yang belum disemak, diperkolatkan ke K' untuk mencari padanan bagi proses penyemakan. Oleh itu, FN *surat* telah dipilih kerana mempunyai fitur berinterpretasi [N] yang dapat menyemak fitur tak berinterpretasi [uN] pada K'. Gabungan KN *surat* dan K' telah membentuk FK.


Di dalam rajah 9, k kecil telah dipilih sebagai pasangan kepada FK dan telah membentuk k' (tanda). Nodus k telah menghasilkan posisi cantuman yang telah diisi oleh KK *nganterne* dan fitur tak berinterpretasi [ukala:]. KK *nganterne* telah digerakkan ke posisi spek k kecil dan meninggalkan bekas <*nganterne*> di posisi asalnya di K'. Fitur berinterpretasi [uN] yang ada pada k kerana memenuhi Prinsip pemilihan-k diperkolatkan ke k' dan memerlukan fitur berinterpretasi [N] bagi membolehkan penyemakan dilakukan. Oleh itu, KN *Embah* telah dipilih sebagai pasangan k' kerana KN *Embah* mempunyai fitur berinterpretasi [N] yang dapat menyemak fitur pada k'. Setelah gabungan dilakukan, maka proses penyemakan fitur tak berinterpretasi [uN] pada k' berlaku dan dihapuskan. Hasil daripada gabungan ini terbentuk nodus Fk.





Rajah 9. Pembentukan Struktur Kata Kerja Dwitransitif Bahasa Jawa

Rajah 10 menunjukkan Fk bergabung dengan kala yang membawa fitur berinterpretasi [kini] secara *default* dan membentuk Kala' (kala tanda). Fitur tak berinterpretasi [ukala:] pada k dapat disemak oleh fitur berinterpretasi [kini] pada nodus kala melalui perintah-k dan dihapuskan. Seterusnya, nodus Kala yang mempunyai fitur tak berinterpretasi [uN] akibat daripada Prinsip Projeksi Tambahan akan memperkolatkan fiturnya kepada nodus Kala'. Kala' yang mempunyai fitur tak berinterpretasi [uN] memerlukan KN bagi proses penyemakan. KN *Embah* merupakan pasangan yang sepadan untuk proses penyemakan tersebut kerana mempunyai fitur berinterpretasi [N]. Oleh itu, KN *Embah* akan bergerak ke posisi spek Fkala untuk membolehkan penyemakan terhadap fitur tak berinterpretasi [uN] pada kala' dilakukan dan telah membentuk nodus Fkala. Pergerakan KN yang berlaku pula meninggalkan kesan <Embah> pada posisi asalnya di Fk. Maka lagi sekali subjek tetap bergerak ke posisi subjek permukaan. Setelah kesemua fitur tak berinterpretasi telah dihapuskan maka derivasi ini akan dihantar ke BF dan BL untuk diujarkan oleh penutir natifnya dengan sempurna.



Rajah 10. Proses penandaan Kala dan penyemakkan

KESIMPULAN

Secara kesimpulannya, berdasarkan analisis yang telah dilakukan, frasa kerja dalam bahasa Jawa ngoko adalah sama seperti frasa kerja dalam bahasa Melayu standard. Kedua-dua bahasa ini ialah bahasa Austronesia. Maka kedua-duanya mempunyai sifat yang sama. Frasa bahasa Jawa Ngoko terbahagi kepada tiga jenis iaitu frasa kerja transitif, frasa kerja tak transitif dan frasa kerja dwitransitif. Frasa kerja tak transitif pula terbahagi kepada dua iaitu kata kerja tak ergatif dan kata kerja tak akusatif. Kata kerja tak ergatif menandakan argumen luaran yang berperanan sebagai agen manakala kata kerja tak akusatif menandakan argumen dalaman yang berperanan sebagai tema dalam ayat. Selain itu, analisis ini juga telah mendakwa dan membuktikan bahawa struktur ayat bahasa Jawa ngoko mempunyai kala *default* iaitu kala kini. Hal ini dapat dibuktikan apabila kala *default* berubah apabila hadirnya KKB yang mempunyai kala lepas seperti *wis* yang dapat menandakan kala lepas dengan mudah. Berpandukan kepada perbincangan itu analisis ini mendakwa bahawa penutur natif bahasa Jawa membawa bersama mereka kala *default*, iaitu kala kini dalam leksikon mereka. Kala ini berubah hanya apabila wujudnya satu KKB yang jelas penandaan waktunya seperti KKB *wis*. Ini merupakan satu penemuan yang baharu dalam bahasa Austronesia kerana bahasa Jawa dianggap tiada kala secara semulajadi.

PENGHARGAAN

Kajian ini dibiayai oleh KEMENTERIAN PELAJARAN MALAYSIA, di bawah dana FRGS berkod FRGS/1/2015/SSI01/UKM/02/3.

RUJUKAN

- Abdullah Hassan, Seri Lanang Jaya Rohani, Zulkifli Osman & Razali Ayob. (2006) *Sintaksis: Siri Pengajaran dan Pembelajaran Bahasa Melayu*. Kuala Lumpur: PTS Professional Publishing Sdn. Bhd.
- Awang Sariyan. (2005). *Persepsi keturunan Jawa di Malaysia terhadap bangsa Jawa di tanah induknya dalam konteks keserumpunan tamadun*. Kertas Kerja Seminar Zaaba Mengenai Alam Melayu II. Anjuran Fakulti Bahasa Moden dan Komunikasi, Universiti Putra Malaysia. Kuala Lumpur, 22-24 Februari.
- Bayu Indrayanto & Kinasih Yuliasuti. (2015). Fenomena tingkat tutur dalam bahasa Jawa akibat tingkat sosial masyarakat. *Magistra*, 27(91), 37-44.
- Chambers & Trudgill. (1999). *Dialectology*. UK: Cambridge Press.
- Chomsky, N. (1995). *The Minimalist Program*. Cambridge, Massachusetts: MIT Press.
- Chomsky, N., & Collins, C. (2001). Beyond explanatory adequacy (Vol. 20, pp. 1-28). MIT Working Papers In Linguistics.
- Corella, Chemaline & Siti Saniah (2017). Faktor campur kod dalam kalangan masyarakat Iban di Sarawak. *PENDETA Journal of Malay Language, Education and Literature*. 8 (2017), 108-115.
- Creswell, J. W. (2014). *Research Design: Qualitative, Quantitative and Mixed Method Approaches*. Edisi ke-4. Lincoln: SAGE Publications.
- Fazal Mohamed Mohamed Sultan & Khairul Faiz Alimi. (2012). *Struktur sintaksis frasa kata kerja transitif bahasa Mendriq. Persidangan Antarabangsa Linguistik UKM (PALING@UKM)*. Anjuran Program Linguistik, Pusat Pengajian Bahasa dan Linguistik, Universiti Kebangsaan Malaysia. Universiti Kebangsaan Malaysia, Bangi, 10-11 April 2012.
- Fazal Mohamed Mohamed Sultan & Khairul Faiz Alimi. (2014). Analisis deskriptif terhadap struktur frasa kerja bahasa Mendriq. *Jurnal Bahasa*, 14(2), 169-191.
- Fazal Mohamed Mohamed Sultan, Nor Hashimah Jalaludin, Harishon Radzi, Junaidi Kasdan & Muhammad Faiz Aizuddin Suhaimi. (2019). Dialek Melayu Perlis: Pemetaan geodialek beraplikasikan GIS. *Jurnal Akademika*, 89(2), 139-154.
- Husein Najibudin. (2015). *Homonimi dalam bahasa Jawa: Suatu kajian semantik*. Tesis sarjana, Fakultas Sastra dan Seni Rupa, Universitas Sebelas Maret.
- Kamarul Azmi Jasmi. (2012). *Metodologi pengumpulan data dalam penyelidikan kualitatif*. Kursus Penyelidikan Kualitatif Siri 1. Puteri Resort, Melaka, 28-29 Mac 2012.
- Kamus Dewan*. (2005). Edisi Keempat. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Karim Harun & Maslida Yusof. (2015). Komunikasi bahasa Melayu-Jawa dalam media sosial. *Jurnal Komunikasi*, 31(2), 617-629.
- Khazin Mohd Tamrin. (1977). Orang Jawa di Selangor kedatangan dan penempatan. *Jebat: Malaysian Journal of History, Politics and Strategic Studies*, 7(8), 68-97.
- Mohamed Azlan Mis. (2016). Dialek Geografi. Dlm. Idris Aman & Mohamed Azlan Mis (pnyt.). *Variasi Bahasa*, hlm. 28-38. Bangi: Penerbitan Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Mohd Helmi & Puteri Roslina. (2016). Strategi Komunikasi Lisan Bahasa Melayu dalam kalangan pelajar sekolah Rendah Jenis Kebangsaan Cina (Srjk (C)). *PENDETA Journal of Malay Language, Education and Literature*, 7, 123-141.
- Nik Safiah Karim, Farid M. Onn, Hashim Hj. Musa & Abdul Hamid Mahmood (Pnyt.). (1996). *Tatabahasa Dewan*. Kuala Lumpur: Percetakan Dewan Bahasa dan Pustaka.



Noriah Mohamed. (2001). *Jawa di Balik Tabir*. Bangi: Penerbit Universiti Kebangsaan Malaysia.

Nurul Aznina Mohd Salleh & Sharifah Raihan Syed Jaafar. (2017). Struktur suku kata dasar bahasa Jawa Parit Sulong. *Jurnal Melayu*, 16(1), 82-100.

Rohaidah Haron, Ab. Razak Ab. Karim & Indirawati Zahid. (2018). Pertembungan bahasa di selatan Thailand: Faktor Dan Implikasi. *PENDETA Journal of Malay Language, Education and Literature*, 9, 117-129.

Seopomo Poedjosoedarma, Th. Kundjana, Gloria Soepomo & Alip, Suharso. (1979). *Tingkat Tutur Bahasa Jawa*. Jakarta: Pusat Pembinaan dan Pembangunan Bahasa.

Wiranto, T. & Santoda, R. (2013). *Pengantar Linguistik Umum*. Tangerang Selatan: Universitas Terbuka.

